Nama:

Kelas:

Edit dan murnikan teks dari aspek ejaan, tanda baca, penggunaan imbuhan, penggunaan kata dan struktur ayat.

Pencipta Kebanggaan Kita

Nama Zulkifli Haron sudah sinonem dengan dunia penciptaan tempatan. Bakatnya mula terkenal sejak tahun 1985 apabila beliau mencipta kereta tanpa panduan yang pertama di negara kita. Sejak itu, namanya mula gah sebagai pereka yang tersohor di negara kita.

Zulkifli dilahirkan pada tahun 1959 di Kelantan tetapi dibesarkan di Rawang Selangor. Beliau bersekolah di Rawang sebelum melanjutkan pelajaran di institusi kemahiran Mara Johor Bahru, Johor. Mula fokus beliau sebagai pereka selepas menubuhkan syarikatnya sendiri, iaitu Zull Design Autotronic.

Zulkifli Haron telah menerima anugerah pelbagai. Antaranya termasuklah Anugerah bagi "Designing, Electronic Control, Testing and Quality Control of Air Conditioning and Refrigeration" daripada Toshiba Jepun pada tahun 1983 dan juga "Guiness Effort Award" pada tahun 1989. Di dalam negara, beliau memilih sebagai Tokoh Belia Selangor pada tahun 1996.

Minat beliau terhadap kerjaya penciptaan membuatkan beliau begitu kometed sehingga mampu dihasilkan lebih daripada 1000 ciptaan yang telah dipatenkan. Kini, syarikatnya aktif merekrut bakat-bakat muda yang ingin menceburi bidang ini. Beliau aktif mencipta pelbagai jenis mesin untuk kegunaan industri dan orang perseorangan.

Salah	Betul
1. sinonem	
2. panduan	
3. Rawang Selangor	
4. institusi kemahiran Mara Johor Bahru	
5. Mula fokus beliau sebagai pereka selepas menubuhkan syarikatnya sendiri, iaitu Zull Design Autotronic.	
6. Zulkifli Haron telah menerima anugerah pelbagai.	
7. memilih	
8. kerjaya	
9. kometed	
10. dihasilkan	

LIVEWORKSHEETS